



## **TEKS UCAPAN**

**YANG BERHORMAT ADLY BIN ZAHARI  
TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN  
KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**PERASMIAN MAJLIS PERJUMPAAN DAN SESI DIALOG BERSAMA  
PERSATUAN-PERSATUAN VETERAN ATM**

**21 JUN 2023 (RABU)  
WISMA ATM, KUALA LUMPUR**

مِحْرَلَا نَمَحْرَلَا اللّٰهَ مَسْبِب  
(BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM)

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين  
وعلى آله وصحبه أجمعين

(ALHAMDULILLAHIROBBIL 'ALAMIN, WASSOLATU WASSALAMU 'ALA  
ASROFIL AMBIYA IWAL MURSALIN WA'ALA ALIHI WASOHBHI AJ MA'IN)

Segala Puji Dan Syukur Dipanjatkan Ke Hadrat Allah Subhanahu Wata'ala Tuhan Sekalian Alam Serta Selawat Dan Salam Ke Atas Junjungan Kita Nabi Muhammad Salallah Alaihi Wasalam, Para Sahabat Dan Keluarga Baginda.

1. **Yang Berbahagia Datuk Dr. Shahrazat Binti Haji Ahmad**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)
2. **Yang Berusaha Mejar Jeneral Zambery Jefry Bin Hj Darus,**  
Ketua Pengarah JHEV ATM
3. **Yang Berbahagia Jeneral Tun (Dr) Hashim Mohd Ali,**  
Presiden Gagasan Mantan Panglima (The Chief's Circle)
4. **Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Ismail Hassan**  
Setiausaha Kehormat Gagasan Mantan Panglima.
5. **Yang Berbahagia Lt Jen Dato' Sri Abdul Aziz Bin Hj Ibrahim,** Presiden  
Retired Armed Forces Officer's Association merangkap ahli yang dilantik  
MVK
6. **Yang Berbahagia Kapt Datuk Hj Sharuddin Bin Hj Omar,**  
Presiden Persatuan Veteran ATM
7. **Yang Berbahagia Mej Dato Hj Sazali Bin Hj Ismail,**  
Naib Presiden Persatuan Veteran ATM merangkap ahli yang dilantik MVK
8. **Yang Berbahagia Dato Hj Ismail Bin Hj Abidin,**  
Presiden Persatuan Veteran Angkatan Tentera Tidak Berpencen Malaysia  
merangkap ahli yang dilantik MVK
9. **Yang Berusaha Encik Nik Omar bin Nik Mahmood ,**  
Pengarah Urusan, Akal Aspirasi Sdn Bhd

Yang Berbahagia Dato' Sri, Dato'-Dato', Tuan-Tuan, Puan-Puan, Hadirin Hadirat Yang Dikasihi Sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur ke Hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dan nikmat kesihatan daripadaNya, maka dapatlah kita sama-sama hadir di majlis perjumpaan dan sesi dialog bersama persatuan-persatuan Veteran ATM.
2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran semua wakil-wakil persatuan-persatuan induk yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM pada hari ini. Majlis pada pagi ini memfokuskan kepada **3 agenda utama** iaitu:
  - ✓ **Taklimat Perkhidmatan JHEV** pada sebelah pagi;
  - ✓ **Perasmian Sesi Dialog dan Pelancaran Sistem VIBES 2.0** yang sedang berlangsung; dan
  - ✓ **Sesi Dialog Khas antara JHEV dan Persatuan Veteran ATM** yang bakal mengupas topik seperti penstrukturan dan pentadbiran persatuan serta peluang-peluang keusahawanan Veteran ATM
3. Saya difahamkan bahawa sesi sebelah pagi telah dimanfaatkan dengan penyampaian taklimat **Sistem VIBES 2.0** oleh pihak JHEV. Secara umumnya, sistem ini telah dibangunkan untuk kegunaan Veteran dan orang tanggungan atau waris.
4. Sistem ini mengandungi beberapa modul antaranya seperti permohonan bantuan kebajikan, perubatan dan kad veteran. Perisian seumpama ini membolehkan pihak veteran atau waris membuat semakan status permohonan secara terus.
5. Aplikasi ini akan turut memanfaatkan Persatuan Veteran ATM, di mana maklumat persatuan kini boleh sentiasa dikemaskini. Saya yakin, sistem VIBES 2.0 mampu menambahbaik gaya penyampaian perkhidmatan JHEV kepada satu perkhidmatan yang cepat dan tersedia sepanjang masa khusus untuk golongan sasaran iaitu Veteran ATM dan Persatuan Veteran.
6. Untuk makluman semua, majlis perjumpaan dan sesi dialog pada hari ini adalah salah satu inisiatif daripada pihak JHEV ATM untuk **berinteraksi secara dua hala dengan wakil-wakil persatuan.**

7. Ianya memberi peluang dan ruang yang berguna kepada kedua-dua pihak untuk berkongsi maklumat, pandangan, persoalan serta usul yang hendak dibincangkan. Saya berharap sesi dialog dapat berlangsung dengan penuh tertib, adab dan harmoni sesuai dengan semangat permuafakatan demi mencari satu solusi menang-menang.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

8. Kementerian Pertahanan akan terus berusaha memberikan komitmen terbaik kepada golongan Veteran. **Program Peduli Veteran (PPV)** yang telah dilancarkan pada awal tahun ini merupakan platform untuk saya turun padang menyantuni, mendekati dan mendengar secara langsung maklum balas daripada Veteran dan persatuan Veteran di setiap negeri.
9. Program ini adalah tanda iltizam saya dan Kementerian yang serius menangani permasalahan dan kebajikan Veteran ATM. Untuk makluman hadirin sekalian, program PPV siri pertama telah dilaksanakan di Melaka, Negeri Sembilan, Kelantan, Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Johor. Inisiatif ini akan diteruskan dengan memfokuskan kepada **5 aspek: kebajikan, kesihatan, pendidikan, perumahan dan empowerment.**
10. Alhamdulillah, melalui PPV, pelbagai input telah saya terima hasil daripada sesi dialog bersama veteran, lawatan ke rumah veteran, lawatan kepada usahawan veteran dan sesi ramah mesra bersama persatuan. Saya percaya, melalui input-input ini, pihak kementerian melalui JHEV boleh menghasilkan sesuatu yang memberi manfaat kepada komuniti veteran.
11. Saya melihat pihak JHEV telah secara berterusan memainkan peranan yang penting dalam memastikan setiap inisiatif bantuan kebajikan, perubatan, pendidikan dan perumahan dilaksanakan, serta diurus dengan cekap dan berkualiti. Ketua Pengarah JHEV sendiri begitu aktif menyantuni veteran yang memerlukan termasuk melaksanakan aktiviti-aktiviti bersama pihak persatuan.
12. Bersama dengan persatuan Veteran, JHEV dilihat begitu komited mengenal pasti sebarang peluang yang boleh memanfaatkan para veteran dan tanggungan. Yakinlah bahawa pihak JHEV sentiasa berusaha untuk

mengetengahkan suara tuan-tuan dan puan-puan dan tindakan sewajarnya sedang dalam perhatian kami.

13. Saya juga ingin menzahirkan ucapan penghargaan kepada semua ahli-ahli Majlis Veteran Kebangsaan termasuk Ahli Lantikan yang berada bersama kita hari ini dan juga mantan ahli-ahli lantikan terdahulu di atas sumbangan idea dan komitmen dalam mempertimbangkan dasar, hala tuju veteran dan inisiatif kebajikan yang boleh dilaksanakan untuk komuniti veteran.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

14. Kerajaan Madani telah menyediakan peruntukan di bawah **Bajet Madani 2023**, mencakupi program peningkatan kompetensi atau latihan pasca-perkhidmatan, padanan pekerjaan, peluang kerjaya kedua sebagai renjer hutan dan pekerja sektor pertanian dan lain-lain inisiatif bertujuan untuk meningkatkan sosioekonomi Veteran ATM.
15. Di bawah program *upskilling-reskilling*, sejumlah **RM5 juta** telah diperuntukkan kepada JHEV bagi meningkatkan kompetensi Veteran. Untuk itu, pihak JHEV telah merangka beberapa program latihan bersama penyedia-penyedia latihan terpilih. Antara program yang akan ditawarkan adalah pengendalian dron, penyenggaraan pesawat, keselamatan siber/rangkaian komputer, penyelamatan air, juruteknik kenderaan elektrik, asas keselamatan dan kesihatan pekerjaan, keusahawanan dan kursus-kursus generik yang lain. Program ini bakal memberi manfaat kepada hampir **2 ribu orang veteran**.
16. Sebenarnya, terdapat pelbagai lagi manfaat yang ditawarkan di bawah Bajet Madani khususnya dalam aspek pengurusan kesihatan. Pada tahun ini JHEV telah diperuntukkan **tambahan sebanyak RM23 juta melibatkan pembayaran bagi skim bantuan kebajikan**, merangkumi 5 jenis bantuan sedia ada, bantuan pengurusan jenazah dan inisiatif perumahan.
17. Oleh yang demikian, saya menyeru para hadirin dan hadirat untuk merebut peluang yang ditawarkan di bawah bajet madani ini dan sentiasa cakna dengan program-program yang ditawarkan oleh JHEV dari semasa ke semasa.

18. Selain itu, bagi memastikan Kementerian dan JHEV khususnya dapat terus membantu semua veteran dan tanggungan yang memerlukan, saya menyeru para hadirin dan hadirat di dewan ini untuk sama-sama berganding bahu dalam mencari alternatif dan solusi kepada perkara-perkara yang dibangkitkan.
19. Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua wakil persatuan yang hadir ke majlis pada hari ini.
20. Saya juga mengucapkan syabas kepada Ketua Pengarah JHEV ATM dan pasukannya serta pihak pembekal iaitu Syarikat Akal Aspirasi Sdn.Bhd. yang telah bertungkus lumus membangunkan Sistem Vibes 2.0 yang akan dilaksanakan soft launch sebentar nanti.
21. Selain itu, saya berharap, pelaksanaan majlis ini berjaya mencapai objektif utamanya iaitu ke arah memantapkan dan memperkasakan usaha kerajaan dalam memastikan kebajikan veteran ATM dan keluarga sentiasa terpelihara.

**“DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM SAYA MERASMIKAN MAJLIS PERJUMPAAN DAN SESI DIALOG BERSAMA PERSATUAN-PERSATUAN VETERAN ATM DENGAN RASMI”**

Sekian, wabillahitaufiq walhidayah wassalaamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.